

Headline	TV3, TH taja 30 jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhamad Fairoz Azizan	AdValue	RM 12,225
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,675



# TV3, TH taja 30 jemaah haji

» *Satu program khas perjalanan ke Tanah Suci bakal diterbitkan*

Oleh Muhamad Fairoz Azizan

► Kuala Lumpur

Omar.

**T**V3 dan Lembaga Tabung Haji (TH) memeterai kerjasama menaja 30 pendeposit TH untuk menunaikan Rukun Islam kelima sempena ulang tahun ke-30 stesen televisyen nombor satu negara itu.

Sesi menandatangani usaha sama berkenaan disempurnakan pada majlis doa selamat stesen terbabit di Masjid Negara, di sini malam tadi.

TV3 diwakili oleh Pengurus Media Prima Bhd (MPB), Tan Sri Johan Jaaffar, manakala TH pula diwakili oleh Pengurus Besar Hal

Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulannya, Anis Zuhani Ahmad. Sesi tandatangan terbabit disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen MPB, Ahmad Izham

**Saksi detik persiapan jemaah**  
TV3 akan menerbitkan program khas berjudul *30 Jemaah Haji* bagi memaparkan perjalanan jemaah berkenaan yang akan bertolak ke Tanah Suci pada September ini. Rancangan terbabit akan mewujudkan penonton pada November depan.

Penonton akan dapat menyaksikan detik persiapan dan perjalanan mereka di Makkah dan Madinah menerusi program *Se langkah Haji* yang akan bersiaran pada Aidiladha.

“Bukan mudah untuk mengekalkan kedudukan TV3 sebagai stesen pilihan pertama di Malaysia kerana cita rasa penonton sentiasa berubah, malah persinggan dalam industri penyiaran juga semakin sengit.

## Saji program bermutu

“Justeru, TV3 sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan melakukan beberapa transformasi untuk menyajikan program TV bermutu dan memberi nilai kepada masyarakat,” kata Ahmad Izham.

Pada majlis terbabit, dua wakil daripada 30 jemaah Haji; Shamsuri Tan Abdullah, 55, dan isteri, Salamiah Omar, 49, turut hadir.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid daripada pelajar Madrasah Tahfiz Mahdi dari Bukit Gambir, Ledang, Johor. Me-

reka turut menerima berjumlah RM5,000 daripada TV3.

Majlis doa selamat berkenaan juga dihadiri Ahli Lembaga Perangaroh MPB, Datuk Syed Hussain Syed Junid dan Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad.

Headline	TV3, TH taja 30 jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhamad Fairoz Azizan	AdValue	RM 12,225
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,675



Johan dan Anis Zuhani diiringi Ahmad Izham (kiri) menyempurnakan sesi menandatangani kerjasama menjaya 30 pendeposit TH menunaikan Rukun Islam kelima sempena ulang tahun ke-30 TV3 pada majlis doa selamat di Masjid Negara, malam tadi.

[FOTO SYAHARIM ABIDIN/BH]